FWBD/KRM/GP/001 (Pindaan2006)

Garis Panduan Pengurusan Wabak Keracunan Makanan di Malaysia

- Jilid 4 -

E. coli

Clostridium botulinum

Staph aureus

Kementerian Kesihatan Malaysia
EDISI KEDUA, 2006
MOH/EPI/26.00(GU)

Garispanduan Pengurusan Wabak Keracunan Makanan
FWBD/KRM/GP/001(pindaan2006)

MOH/EPI/26.00(GU)

Hak Cipta Terpelihara. Buku ini tidak boleh dikeluarkan, keseluruhan atau sebahagiannya, dalam apa jua cara, elektronik atau mekanikal termasuklah fotokopi, merekod atau secara penyimpanan maklumat dan sistem pencarian yang diketahui sekarang atau yang dicipta kemudiannya tanpa permohonan bertulis daripada pengeluar.

Hakcipta © Kementerian Kesihatan Malaysia

Dikeluarkan Oleh
Bahagian Kawalan Penyakit
(Cawangan Penyakit Berjangkit)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Edisi Kedua – 2006

Diedarkan Oleh
Bahagian Kawalan Penyakit
(Cawangan Penyakit Berjangkit)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Peringatan:

Dalam apa sahaja keadaan, negeri serta daerah yang terlibat dengan wabak perlu diingatkan bahawa pendekatan kawalan wabak yang diberikan oleh kementerian hanyalah sebagai panduan sahaja. Kemungkinan pengubahsuaian di peringkat pelaksanaan adalah perlu selaras dengan situasi setempat seperti faktor geografi, jumlah petugas dan kelengkapan kawalan yang ada, kemudahan asas serta budaya masyarakat. Apa pun keputusan yang diambil hendaklah bermatlamat membendung dengan cepat serta mencegah perebakan wabak ke luar.

GARISPANDUAN PENGURUSAN WABAK KERACUNAN MAKANAN

FWBD/KRM/GP/001(Pindaan2006)

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

EDISI KEDUA, 2006

MOH/EPI/26.00(GU)

KATA ALUAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat dalam pembentukan Garispanduan Pengurusan Wabak Penyakit-penyakit Bawaan Makanan dan Air edisi kedua ini. Ianya juga adalah kesinambungan daripada kesungguhan yang telah ditunjukkan oleh semua yang terlibat dalam pembentukan garispanduan edisi pertama dahulu.

Tidak dinafikan terdapat banyak garispanduan yang telah dihasilkan oleh beberapa negara maju ataupun organisasi-organisasi antarabangsa seperti *CDC Atlanta* dan *WHO*. Namun adalah amat tidak praktikal jika garispanduan-garispanduan yang sedia itu diadaptasikan 100% di negara ini tanpa melihat kesesuainnya dengan situasi setempat. Langkah-langkah yang telah diambil dalam pembentukan garispanduan ini diharapkan dapat memenuhi kehendak ini.

Dengan adanya garispanduan ini, anggota kesihatan di lapangan dapat memahami fungsi dan peranan mereka semasa berlakunya wabak, seterusnya mampu untuk menangani wabak dengan lebih berkesan. Walau bagaimanapun, dalam situasi tertentu anggota kesihatan mungkin perlu untuk membuat pertimbangan bagi mengambil pendekatan alternatif lain yang dirasakan lebih berkesan. Apapun pertimbangan yang dilakukan, ia haruslah dilakukan secara profesional dan berdasarkan kaedah yang saintifik *(evidence base)*. Matlamat utama ialah wabak dapat ditangani dengan baik, masyarakat berpuashati dengan perkhidmatan yang diberikan dan mutu kesihatan awam di negara ini sentiasa berada pada tahap yang tertinggi.

Sekian terima kasih,

Dato' Dr. Haji Ramlee Haji Rahmat
Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia.
21 Disember 2006

PENDAHULUAN

Garispanduan Pengurusan Wabak Keracunan Makanan edisi kedua ini ialah hasil penambahbaikan Garispanduan Pengurusan Wabak Penyakit Keracunan Makanan edisi pertama (FWBD/KRM/GP/001). Garispanduan edisi pertama tersebut telah diterbitkan pada tahun 2000 hasil daripada perbincangan pelbagai peringkat anggota Kementerian Kesihatan Malaysia yang terlibat secara langsung dan juga secara tidak langsung dalam pengurusan wabak penyakit-penyakit berjangkit bawaan makanan dan air di negara ini. Garispanduan tersebut juga telah dihasilkan berdasarkan arahan-arahan yang pernah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Garispanduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan pengalaman-pengalaman kerja beberapa anggota kesihatan di seluruh Malaysia.

Semakan-semakan telah dilakukan terhadap garispanduan tersebut dan satu bengkel telah diadakan di Kuala Lumpur pada 9 hingga 14 Ogos 2004 oleh sekumpulan pegawai Kementerian Kesihatan. Pegawai-pegawai tersebut adalah terdiri daripada beberapa pakar epidemiologi dan penolong pegawai persekitaran yang berkelayakan *(competence)*, berpengalaman dan terlibat secara langsung dan juga secara tidak langsung dalam pengurusan wabak penyakit-penyakit berjangkit bawaan makanan dan air di Malaysia. Lanjutan daripada itu, beberapa siri pertemuan dan perbincangan lain telah diadakan oleh pegawai-pegawai daripada pelbagai peringkat dan kepakaran di Kementerian Kesihatan Malaysia. Pada 30 Mei hingga 1 Jun 2006, pakar-pakar epidemiologi dan beberapa penolong pegawai persekitaran yang berpengalaman dari seluruh negara telah mengadakan satu bengkel di Kota Bharu bagi menyemak draf terakhir garispanduan ini dan garispanduan-garispanduan pengurusan penyakit bawaan makanan dan air yang lain. Bagi mempastikan garispanduan ini sentiasa sesuai dengan keadaan semasa, maklumat-maklumat diperolehi daripada sumber-sumber rujukan terkini samada daripada dalam ataupun luar negara. Format garispanduan juga telah diperbaiki supaya ianya lebih kemas, mesra pembaca dan seragam dengan Garispanduan Penyakit-penyakit Bawaan Makanan yang lain.

Adalah diharapkan supaya Garispanduan Pengurusan Wabak Keracunan Makanan edisi kedua ini dapat dijadikan panduan dengan sejelasnya oleh anggota-anggota kesihatan di lapangan dalam menangani wabak. Semoga setiap wabak yang berlaku dapat ditangani dengan berkesan dan seterusnya mutu perkhidmatan Kesihatan Awam di Malaysia dapat dipertingkatkan.

Editor

Dr Wan Mansor Hamzah & Dr Mohd Hanif Zailani
November 2006

KANDUNGAN

KATA ALUAN	I
PENDAHULUAN	II
KANDUNGAN	III
SENARAI LAMPIRAN	IV
1.0 PENGENALAN	1
2.0 EPIDEMIOLOGI	1
3.0 AGEN JANGKITAN	2
4.0 BAGAIMANA KERACUNAN MAKANAN BERLAKU	2
5.0 DEFINISI	4
6.0 PENGURUSAN KESIHATAN AWAM	5
6.1 Notifikasi/aduan Kes Keracunan Makanan	5
6.2 Menggerakkan Pasukan Tindak Cepat (RRT)	6
6.3 Mengaktifkan Pasukan Tindak Cepat (RRT)	6
6.4 Penyiasatan dan kawalan kejadian keracunan makanan	6
6.5 Penamatan operasi	10
6.6 Tindakan susulan	10
6.7 Lain-lain	11
LAMPIRAN	12
RUJUKAN	57
PENGHARGAAN	58

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	Etiologic Agents to Consider for Various Manifestations of Foodborne Illness.
Lampiran 2	Illnesses attributed to foods a condensed classification by symptoms, incubation period, and types of agents
Lampiran 3	Kriteria Pengesahan Agen Etiologi Yang Menyebabkan Wabak Penyakit Bawaan Makanan Dan Air
Lampiran 4	Senarai semak bagi penyiasatan keracunan makanan.
Lampiran 5	Borang penyiasatan/laporan wabak keracunan makanan FWBD/KRM/BG/001(pind 2006)

1.0 PENGENALAN

Penyakit-penyakit bawaan makanan, termasuk keracunan makanan *(foodborne intoxication)* dan jangkitan bawaan makanan adalah merujuk kepada penyakit-penyakit yang berpunca daripada pengambilan makanan yang tercemar[2]. Secara keseluruhannya ia biasa dirujuk sebagai 'Keracunan Makanan'. Istilah 'keracunan makanan' yang digunakan dalam garispanduan ini adalah merujuk kepada definisi umum iaitu penyakit-penyakit yang disebabkan oleh pengambilan makanan ataupun minuman yang tercemar[3]. Ciri-ciri klinikal keracunan makanan adalah berbeza bergantung kepada jenis patogen ataupun agen. Pada dasarnya gejala yang disebabkan oleh keracunan makanan dan penyakit bawaan makanan adalah seperti berikut[1].

a. Gastroenteritis - muntah merupakan gejala primer manakala demam atau/dan cirit-birit juga boleh dialami oleh pesakit.
b. Cirit-birit bukan disebabkan keradangan (*noninflammatory diarrhea*) – cirit-birit berair secara akut tanpa demam dan disentri. Sesetengah pesakit mungkin juga mengalami demam.
c. Cirit-birit disebabkan keradangan (*Inflammatory diarrhea*) – Ciri-ciri gastroenteritis secara invasif. Najis berdarah dan demam mungkin berlaku.
d. Cirit-birit berpanjangan lebih daripada 14 hari.
e. Gejala neurologi seperti parestesia, depresi, kesukaran pernafasan, *bronchospasm* dan kelumpuhan saraf kranial.
f. Penyakit sistemik seperti demam, lemah, arthritis dan jaundis.

Agen penyebab yang boleh dikaitkan dengan gejala-gejala diatas adalah seperti di lampiran 1.

2.0 EPIDEMIOLOGI

Semenjak 5 tahun kebelakangan ini, kadar insidens keracunan makanan adalah menurun daripada 36.6 (2001) kepada 17.76 per 100,000 penduduk pada tahun 2005. Data Sistem Maklumat Penyakit Berjangkit (CDCIS) tahun 2005 menunjukkan bahawa kes yang tertinggi ialah dalam kumpulan umur 6 hingga 15 tahun (45%) diikuti oleh umur 16 hingga 25 tahun (42%).

Walau bagaimanapun, seperti juga yang berlaku di seluruh dunia termasuk di negara-negara perindustrian, insidens sebenar keracunan makanan mungkin lebih tinggi. Ini kerana hanya kejadian keracunan makanan yang berlaku di institusi-institusi seperti asrama dan kantin sekolah sahaja yang biasa dilaporkan manakala keracunan makanan yang berpunca daripada premis-premis awam seperti gerai dan restoran jarang dilaporkan.

Walaupun keracunan makanan jarang menyebabkan kematian, ianya secara tidak langsung boleh memberikan kesan negatif kepada sosioekonomi masyarakat akibat daripada ketidakhadiran bekerja dan peningkatan kos perubatan yang ditanggung samada oleh majikan ataupun pekerja-pekerja yang terbabit. Selain daripada itu, kekerapan kejadian keracunan makanan

juga dapat memberikan gambaran yang buruk kepada tahap keselamatan dan mutu makanan yang ada di negara kita.

3.0 AGEN JANGKITAN

Keracunan makanan boleh disebabkan oleh agen mikrobiologi ataupun toksin. Punca utama keracunan makanan ialah[2:]

a. Jangkitan bakteria, virus dan parasit seperti *Escherrichia coli*, Norwalk virus dan toxoplasmosis.
b. Toksin yang di bawa oleh pembiakan bakteria dalam makanan sebelum ianya dimakan seperti *Clostridium perfringens*, *Clostridium botulinum*, *Staphylococcus aureus* dan *Bacillus cereus*.
c. Toksin yang dihasilkan oleh tumbuhan ataupun haiwan seperti alga dan ikan yang tertentu.

Selain daripada itu, terdapat juga kejadian keracunan makanan yang disebabkan oleh bahan-bahan kimia tertentu seperti asid borik, pestisid dan logam berat. Seperti yang dinyatakan dalam "Garispanduan Umum Kawalan Wabak Penyakit-penyakit Bawaan Makanan dan Air di Malaysia – FWBD/UMU/GP/001 (Pindaan 2006)" agen-agen lain seperti *Escherichia coli* O157:H7, *Campylobacter* dan *Listeria monocytogenes* juga perlu diambil perhatian.

Agen-agen penyebab keracunan makanan serta ciri-ciri klinikal khusus ditunjukkan dengan lebih terperinci dalam jadual di Lampiran 1 dan 2. Walaupun agen-agen khusus seperti *Vibrio cholera, Salmonella typhi* dan Hepatitis A juga termasuk antara penyebab keracunan makanan, ianya diberikan definisi yang berbeza kerana kesan kesihatan awam yang berbeza. Selain daripada itu, pendekatan kawalan dan pencegahan setiap jenis penyakit-penyakit tersebut juga agak berbeza.

4.0 BAGAIMANA KERACUNAN MAKANAN BERLAKU

Pada asasnya, keracunan makanan terjadi akibat memakan makanan /minuman yang tercemar. Pencemaran makanan boleh berlaku melalui 3 cara utama , iaitu: :

a. Kontaminasi atau pencemaran oleh agen
b. Proliferasi/amplifikasi organisma
c. Peningkatan survival organisma

4.1 Kontaminasi agen

Dikatakan berlaku apabila agen atau penyebab dari luar memasuki makanan yang disabitkan akibat terdapatnya kelonggaran dalam amalan pengendalian makanan . Contoh-contohnya adalah:

a. Kontaminasi kimia (cth: bahan pencuci, *sanitizer*, sianid atau fenoftalein yang secara sengaja dimasukkan)
b. Bahan pepejal (cth serpihan peralatan , lipas dll)
c. Bahan toksid/racun semulajadi (cth: ciguatera , cendawan)
d. Kontaminasi dengan bakteria / virus / parasit (cth : Salmonella enteritidis dalam telur, virus Norwalk dalam kerang, E.coli dalam taugeh)
e. Kontaminasi-silang dari bahan mentah berasaskan daging/haiwan (cth: daging ayam atas papan pemotong) ,
f. Pengendalian secara kontek terus dengan tangan pengendali makanan/pekerja (cth: makanan *'ready-to-eat'*).
g. Pengendalian menggunakan sarung tangan pengendali makanan/pekerja (cth: makanan *'ready-to-eat'*).
h. Pengendalian oleh pembawa patogen atau pesakit (cth: *Staphylococcus sp.*, *Salmonella sp.*)
i. Pembersihan peralatan/utensils tidak sempurna menyebabkan kontaminasi kepada makanan (cth: papan pemotong).
j. Penggunaan air yang tercemar untuk membasuh peralatan.
k. Penyimpanan makanan di dalam bekas yang tercemar. (cth: bilik stor, peti sejuk)

4.2 Proliferasi/amplifikasi organisma

Dalam keadaan yang sesuai, agen mikrobial boleh bertambah bilangan dengan cepat dan/atau menghasilkan toksin sebelum makanan dimakan)

a. Membiarkan makanan berada pada suhu bilik atau suhu luar untuk beberapa jam (cth: semasa penyediaan untuk jamuan)
b. Penyejukkan perlahan (cth bekas simpanan yang besar)
c. Suhu *'cold-holding'* tidak sempurna (cth: peti ais tidak berfungsi/rosak, *'iced-holding'* tidak sempurna)
d. Menyediakan makanan sehari/separuh hari sebelum dihidang (cth: persiapan jamuan yang disediakan sehari sebelum majlis)
e. Penyimpanan sejuk berpanjangan untuk beberapa minggu (cth: membolehkan pertumbuhan perlahan patogen *'psychrophilic'*)
f. Tempoh dan/atau suhu semasa 'hot-holding' tidak sempurna (cth: alatan tidak berfungsi, jumlah makanan terlampau banyak).
g. Pengawetan tidak sempurna (cth: buatan sendiri di rumah, jeruk).
h. Aktiviti air *(water activity)* yang tidak sempurna (cth: ikan masin/bakar).
i. Nyah beku (thawing) tidak sempurna (cth: *'room thawing'*)
j. Pembungkusan anaerobik / Modifikasi persekitaran. (cth: ikan dibungkus secara hampagas, salad dalam beg berisi gas).
k. Fermentasi tidak sempurna (cth: tempe, tapai, daging proses, keju)

4.3 Peningkatan survival organisma

(Faktor ini merujuk kepada proses atau langkah yang sepatutnya diambil agar agen dapat dihapuskan atau dikurangkan tetapi tidak diambil kerana sebab-sebab di bawah).

a. Tempoh dan/atau suhu semasa masak/proses pemanasan tidak sempurna (cth: memanggang daging, makanan berkaleng, pasteurisasi).
b. Tempoh dan/atau suhu semasa pemanasan semula (reheating) tidak sempurna (cth: makanan berkuah, sos)
c. Asidifikasi tidak sempurna (cth: mayonnaise, tomato bertin).
d. Nyah beku *(thawing)* tidak sempurna dan diikuti masak tidak sempurna (cth: ayam, ayam belanda, daging).

Semasa menyiasat sesuatu episod keracunan makanan, penyiasatan seharusnya dapat membuat rumusan samada keracunan disebabkan oleh faktor **Kontaminasi**, **Proliferasi** atau pun **Survival**. Ini adalah bagi membolehkan penumpuan selanjutnya dapat diberikan terhadap beberapa keadaan yang sering berlaku seperti dijelaskan di atas.

5.0 DEFINISI

5.1 Definisi Kes[4].

a. Kriteria klinikal

Muntah dan/atau cirit birit dan/atau kehadiran gejala-gejala akut lain yang berkaitan dengan memakan makanan/minuman

Ia boleh juga termasuk gejala neurologi seperti *paresthesias*, *motor weakness* dan *cranial nerve palsies.*

b. Kriteria makmal

Isolasi patogen ataupun kehadiran agen bukan mirobiologi daripada spesimen.

Semua kes yang dilaporkan sebagai keracunan makanan, walau pun tanpa sebarang keputusan makmal, adalah dianggap telah pun disahkan.

(Ujian makmal terhadap spesimen klinikal pesakit atau spesimen makanan berkaitan episod yang dilaporkan hanyalah untuk mengesahkan jenis organisma atau toksin penyebab keracunan sahaja)

5.2 Wabak/episod Keracunan Makanan

Apabila berlaku 2 atau lebih kes keracunan makanan dari punca makanan dan masa pendedahan yang sama. Pengesahan makmal tidak diperlukan untuk notifikasi keracunan makanan.

6.0 PENGURUSAN KESIHATAN AWAM

Langkah-langkah tindakan pencegahan dan kawalan kejadian keracunan makanan adalah seperti rajah cartalir aktiviti kejadian keracunan makanan (Rajah 1)

6.1 Notifikasi/aduan Kes Keracunan Makanan

Pegawai Perubatan yang mengendalikan kes atau yang bertanggungjawab terhadap sesebuah fasiliti kesihatan atau perubatan di mana kes keracunan makanan dikendalikan adalah juga bertanggungjawab untuk membuat notifikasi kes berkenaan ke Pejabat Kesihatan Daerah terdekat melalui telefon dalam masa 24 jam dan disusuli dengan penghantaran Borang Notis.

Aduan keracunan makanan juga boleh diterima dari orang ramai termasuk institusi selain perubatan dan kesihatan.

Semasa aduan/notifikasi diterima, perlu disarankan kepada pengadu agar semua makanan termasuk baki makanan dan juga bekas-bekas makanan serta bungkusan makanan disimpan sehingga pasukan penyiasat kesihatan menilai dari aspek epidemiologi keperluan sampel/spesimen tersebut. Jika tidak perlu, sampel/spesimen berkenaan boleh dimusnahkan.

Pengadu juga seboleh-bolehnya diminta untuk menyatakan nama-nama mereka yang berada semasa kejadian berkenaan atau makanan yang disyakki dan sesiapa juga yang mendapat sindrom penyakit yang sama.

Antara maklumat-maklumat penting yang berkaitan dengan aduan ialah:

a. Maklumat-maklumat kes dan kejadian:

- Tarikh
- Masa kes pertama bermula
- Jumlah orang yang terlibat
- Kekerapan tanda & gejala
- Jenis makanan yang disyakki
- Tempat berlakunya kejadian keracunan
- Jumlah individu yang terdedah

- Tarikh dan masa mendapat rawatan iaitu nama dan alamat institusi perubatan
- Bilangan mendapat rawatan samada pesakit luar atau pesakit dalam
- Maklumat-maklumat lain yang berkaitan.

b. Maklumat Pemberitahu dan Penerima Aduan:

- Nama pemberitahu dan penerima aduan
- Lain-lain butiran pemberitahu dan penerima aduan
- Nombor telefon pemberitahu
- Tarikh dan masa

6.2 Menggerakkan Pasukan Tindak Cepat (RRT)

Pegawai Kesihatan Daearah perlu memanggil mesyuarat RRT serta merta bagi pembahagian tugas-tugas seterusnya.

Persiapan awal sebelum siasatan adalah perlu bagi mempastikan penyiasatan berjalan dengan lancar. Segala kelengkapan dan peralatan sedia ada perlu dipastikan siap sedia untuk digunakan sebagaimana senarai semak di lampiran 2.

Buka bilk gerakan jika perlu

6.3 Mengaktifkan Pasukan Tindak Cepat (RRT)

Bilangan pasukan yang ditubuhkan bergantung kepada tahap sesuatu episod keracunan makanan. Keanggotaan dan peranan Jawatankuasa Pasukan Tindak Cepat (RRT) Daerah boleh dirujuk di dalam garispanduan umum FWBD/UMU/GP/001 (pindaan2006).

6.4 Penyiasatan dan kawalan kejadian keracunan makanan

Penyiasatan awal hendaklah dimulakan serta merta di lokasi kejadian dan di tempat yang membuat notifikasi berpandukan borang siasatan. Ringkasan maklumat dan data yang diperolehi dari penyiasatan awal dicatatkan dalam borang **laporan awal** wabak penyakit-penyakit bawaan makanan dan air [**FWBD/UMU/BG/001(pindaan2006)**] untuk dihantar ke Jabatan Kesihatan Negeri dan seterusnya Kementerian Kesihatan Malaysia dalam masa 24 jam.

Rajah 1: Carta alir aktiviti kawalan kejadian keracunan makanan



Semasa di lapangan, tindakan-tindakan berikut perlu dilakukan:

a. Menjalankan siasatan/temuduga

- Lakukan temuduga ringkas terhadap semua atau sejumlah orang yang mengalami gejala untuk mendapat tahu apakah gejala-gejala utama yang dialami, apakah jenis makanan berisiko yang berkemungkinan menjadi punca kepada keracunan, dari manakah makanan atau minuman tersebut didapati dan siapakah pembekal yang terlibat.
- Perkara-perkara yang perlu ditanya seterusnya bergantung kepada rumusan awal yang dibuat oleh pegawai penyiasat semasa menjalankan temuduga ringkas di atas. Sebagai panduan, penyiasat disyor menggunakan borang **FWBD/KRM/BG/001 (pindaan 2006)**. Walaubagaimanapun, sekiranya ada keperluan, penyiasat hendaklah tidak terlalu terikat dengan hanya menanya soalan-soalan di dalam borang tersebut sahaja.
- Kenalpasti berapa ramai populasi di tempat kejadian yang merupakan kumpulan yang terdedah untuk mendapat keracunan. Mereka terdiri dari keseluruhan penghuni atau tetamu di situ, samada mengalami gejala atau tidak.
- Apabila selesai menemuduga, lakukan analisa deskriptif untuk menjelaskan perkara-perkara asas seperti berikut :
    - Kadar serangan *(attack rate),* dikira mengikut formula :

$$\frac{\text{Bilangan yang ada gejala}}{\text{Bilangan populasi yang terdedah}} \times 100$$

    - Dari kalangan yang mengalami gejala, kategorikan mengikut *time, place and person (TPP)* seperti jantina, kumpulan umur, pekerjaan dan sebagainya.
    - Peratus pesakit mengikut gejala utama

- Berdasarkan analisa deskriptif, dengan atau tanpa sokongan penemuan dari kajian terhadap makanan, persekitaran atau keputusan makmal, buat rumusan awal terhadap jenis makanan dan disyaki serta punca pencemaran.
- Apabila hasil analisa deskriptif gagal menjelaskan perkara tersebut, penyiasat perlu mempertimbangkan untuk menjalankan kajian epidemiologi secara analitik.
- Bagi tujuan tersebut, jika populasi tidak begitu ramai, lakukan temuduga terhadap semua populasi tersebut. Langkah ini membolehkan analisa statistik dibuat mengikut kaedah ***retrospective cohort***

- Jika populasi terlalu ramai dan penyiasat tidak mempunyai cukup anggota untuk melakukan temubual, pilih sebahagian dari mereka yang ada gejala dan sebahagian dari yang tidak mengalami sebarang gejala secara rawak. Langkah ini membolehkan analisa statistik dibuat mengikut kaedah ***case control***.
- Gabungkan hasil analisa dari kajian epidemiologi di atas dengan penemuan dari ujian makmal dan siasatan persekitaran untuk merumuskan punca berlakunya keracunan.

b. Mengambil sampel-sampel klinikal, makanan yang disyaki, bahan mentah dan sampel lain jika berkaitan seperti:

spesimen najis
sample muntah
swab rektal
swab peralatan memasak
swab (hidung, tekak, anggota) pengendali makanan
Swab persekitaran (meja, peti ais, kepala paip, effluen tangki septic dan lain-lain)

PENGAMBILAN SAMPEL KLINIKAL AMAT PENTING kerana ia boleh memberi petunjuk mengenai jenis patogen penyebab. Ini kerana, sampel makanan biasanya tidak dapat diperolehi semasa penyiasatan.

c. Menjalankan pemeriksaan ke atas premis makanan di mana berlaku kejadian keracunan makanan.

- Menganalisa keselamatan makanan menggunakan kaedah HACCP. Pegawai Teknologi Makanan boleh dipanggil dalam membantu siasatan.
- Menutup premis di bawah Sek 18(1)(d) Akta 342 [Pengawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988] atau (seksyen 10 atau 11 Akta Makanan 1983)
- Menyita makanan.
- Kawalan vektor (LILATI)

d. Pendidikan Kesihatan

Prosedur penyiasatan dan kawalan adalah seperti mana yang dijelaskan di dalam Garispanduan Umum FWBD/UMU/GP/001 (pindaan2006).

6.5 Penamatan operasi

Bilik operasi keracunan makanan di sesebuah Pejabat Kesihatan Daerah boleh ditutup sekiranya tiada lagi kes yang dilaporkan yang berkaitan dengan episod tersebut.

6.6 Tindakan susulan

Langkah tindak susulan perlu dilaksanakan bagi memastikan kejadian keracunan makanan tidak berulang di masa hadapan. Tanggungjawab menjalankan tindakan susulan bagi sesuatu episod keracunan makanan bergantung kepada jenis tindakan tersebut. Sebagai contoh, pengubahsuaian sistem tandas dan bekalan air masyarakat dijalankan oleh Unit BAKAS, pemantauan tahap kebersihan premis dan pengendali makanan oleh Unit Kawalan Mutu Makanan, penguatkuasaan pelesenan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan seterusnya.

Selepas berlakunya sesuatu keracunan makanan, pihak Pejabat Kesihatan Daerah perlu menjalankan tindakan susulan ke atas premis, pemilik premis, pengendali makanan dan faktor-faktor yang menyumbang kepada wabak tersebut. Ini adalah bertujuan bagi mengelak daripada berulang wabak tersebut. Tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

a. Membuat tindakan-tindakan susulan ke atas kerja-kerja pembaikan premis yang telah ditutup semasa wabak.

b. Pemilik premis yang telah dapat dibuktikan menjadi punca wabak hendaklah didakwa ke mahkamah.

c. Makanan diproses yang dapat dibuktikan menjadi punca wabak, syarikat pembuatnya hendaklah didakwa ke mahkamah dan memaklumkan perkara ini ke Bahagian Kawalan Mutu Makanan, KKM dengan sesalinan ke Bahagian Kawalan Penyakit, KKM.

d. Memastikan pengendali makanan yang terlibat dengan wabak menjalani pemeriksaan kesihatan dan latihan pengendali makanan dari institusi-institusi yang diiktiraf oleh KKM.

e. Memastikan maklumat mengenai kejadian keracunan di maklumkan kepada organisasi yang terbabit seperti Jabatan Pendidikan, Pihak Berkuasa Tempatan dan sebagainya.

f. Pihak pengurusan sekolah perlu dilatih untuk menjalankan pemeriksaan sendiri kebersihan kantin / asrama setiap minggu/bulan dan menghantar laporan kepada Pejabat Kesihatan / Pejabat Pendidikan Daerah.

g. Pihak Pejabat Kesihatan Daerah perlu membuat pemeriksaan susulan premis makanan di sekolah selepas 3 bulan dari kejadian dan seterusnya setiap tahun .

h. Pihak Pengurusan Sekolah / Penganjur majlis-majlis keraian di daerah juga perlu dilatih untuk memeriksa makanan sebelum dimakan bagi semua majlis keraian khas yang melibatkan pengendali makanan luar

i. Pejabat kesihatan daerah juga perlu meminta penganjur-penganjur majlis keraian untuk memaklumkan kepada pejabat kesihatan daerah sekiranya ingin menjalankan majlis-majlis bagi tujuan pemeriksaan pengendali makanan yang berkaitan.

6.7 Lain-lain

a. Sekiranya episod keracunan makanan yang dilaporkan ini disahkan sebagai kes atau wabak penyakit-penyakit bawaan air dan makanan yang khusus seperti kolera, tifoid, disenteri atau hepatitis A, pendekatan pengurusan wabak seterusnya hendaklah berpandukan garispanduan khusus bagi penyakit-penyakit berkenaan.

b. Pegawai penyiasat perlu mendapatkan keputusan ujian makmal secara aktif iaitu tidak hanya menunggu pihak makmal untuk melaporkan keputusan tersebut.

c. **Laporan akhir keracunan makanan** hendaklah disediakan untuk semua episod tanpa mengira bilangan kes yang terlibat dan dihantar ke Jabatan Kesihatan Negeri dan seterusnya ke Cawangan Penyakit Berjangkit, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia dalam masa satu bulan selepas episod berkenaan dilaporkan. Sekiranya episod tersebut tidak begitu kompleks, **Borang FWBD/KRM/BG/001 (Pindaan 2006)** (Rujuk Lampiran 5) yang lengkap diisi dan diulas oleh pegawai terbabit dianggap sebagai laporan akhir. Jika tidak, laporan yang lebih lengkap seperti dijelaskan di dalam Garispanduan Umum FWBD/UMU/GP/001 (Pindaan 2006) hendaklah dibuat. Ringkasan laporan dan cadangan tindakan pembetulan hendaklah dihantar kepada unit atau pihak-pihak yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

Lampiran 1

Etiologic Agents to Consider for Various Manifestations of Foodborne Illness.

Clinical Presentation	Potential Food-Related Agents to Consider
Gastroenteritis (vomiting as primary symptom; fever and/or diarrhea also may be present)	Viral gastroenteritis, most commonly rotavirus in an infant or norovirus and other caliciviruses in an older child or adult; or food poisoning due to preformed toxins (eg, vomitoxin, Staphylococcus aureus toxin, Bacillus cereus toxin) and heavy metals.
Noninflammatory diarrhea (acute watery diarrhea without fever/dysentery; some patients may present with fever)[1]	Can be caused by virtually all enteric pathogens (bacterial, viral, parasitic) but is a classic symptom of: • Enterotoxigenic • Escherichia coli • Giardia • Vibrio cholerae • Enteric viruses (astroviruses, noroviruses and other caliciviruses, enteric adenovirus, rotavirus) • Cryptosporidium • Cyclospora cayetanensis
Inflammatory diarrhea (invasive gastroenteritis; grossly bloody stool and fever may be present)[2]	• Shigella species • Campylobacter species • Salmonella species • Enteroinvasive E. coli • Enterohemorrhagic E. coli • E. coli O157:H7 • Vibrio parahaemolyticus • Yersinia enterocolitica • Entamoeba histolytica
Persistent diarrhea (lasting >14 days)	Prolonged illness should prompt examination for parasites, particularly in travelers to mountainous or other areas where untreated water is consumed. Consider: • Cyclospora • cayetanensis, • Cryptosporidium, • Entamoeba histolytica, and • Giardia • lamblia.

Clinical Presentation	Potential Food-Related Agents to Consider
Neurologic manifestations eg, paresthesias, respiratory depression, bronchospasm, cranial nerve palsies)	• Botulism (Clostridium botulinum toxin) • Organophosphate pesticides • Thallium poisoning • Scombroid fish poisoning (histamine, saurine) • Ciguatera fish poisoning (ciguatoxin) • Tetradon fish poisoning (tetrodotoxin) • Neurotoxic shellfish poisoning (brevitoxin) • Paralytic shellfish poisoning (saxitoxin) • Amnesic shellfish poisoning (domoic acid) • Mushroom poisoning • Guillain-Barre syndrome (associated with • infectious diarrhea due to Campylobacter jejuni)
Systemic illness (eg, fever, weakness, arthritis, jaundice)	• Listeria monocytogenes • Brucella species • Trichinella spiralis • Toxoplasma gondii • Vibrio vulnificus • Hepatitis A and E viruses • Salmonella Typhi and Salmonella Paratyphi • Amebic liver abscess

[1] Noninflammatory diarrhea is characterized by mucosal hypersecretion or decreased absorption without mucosal destruction and generally involves the small intestine. Some affected patients may be dehydrated because of severe watery diarrhea and may appear seriously ill. This is more common in the young and the elderly. Most patients experience minimal dehydration and appear mildly ill with scant physical findings. Illness typically occurs with abrupt onset and brief duration. Fever and systemic symptoms usually are absent (except for symptoms related directly to intestinal fluid loss).

[2] Inflammatory diarrhea is characterized by mucosal invasion with resulting inflammation and is caused by invasive or cytotoxigenic microbial pathogens. The diarrheal illness usually involves the large intestine and may be associated with fever, abdominal pain and tenderness, headache, nausea, vomiting, malaise, and myalgia. Stools may be bloody and may contain many fecal leukocytes.

Sumber: *Various Agencies US. 2004. Diagnosis and Management of Foodborne Illnesses:A Primer for Physicians and Other Health Care Professionals. Introduction and Clinical Considerations*

TABLE B – ILLNESSES ATTRIBUTED TO FOODS
A CONDENSED CLASSIFICATION BY SYMPTOMS, INCUBATION PERIOD, AND TYPES OF AGENTS [1,2]

Disease	Aetiologic agent and source	Incubation or Latency period	Symptoms and Signs	Food usually Involved[3]	Specimens to Collect	Factors that Contributed to Foodborne outbreaks
UPPER GASTROINTESTINAL, TRACT SYMPTOMS AND SIGNS [NAUSEA, VOMITING] OCCUR FIRST OR PREDOMINATE						
Incubation [Latency] Period Usually Less than 1 hour						
			Fungal Agents			
Gastroin-testinal irritating group mushroom poisoining	Possibly resin-like substances in some mushrooms	3 min to 2 hours	Nausea, vomiting retching, diarrhea, abdominal cramps	Many varieties of vild mushrooms	Vomitus	Eating unknown varieties of mushrooms, mistaking toxic mushrooms for edible varieties
			Chemical Agent[4]			
Antimony	Antimony in gray enamelware	Few min to 1 hours	Vomiting, abdominal pain, diarrhoea	High-acid food and beverages	Vomitus, stools, urine	Purchasing antimony containing utensils, storing high acid foods in gray enamelware

Disease	Aetiologic agent And source	Incubation or Latency period	Symptoms and Signs	Food usually Involved[3]	Specimens to Collect	Factors that Contributed to Foodborne outbreaks
Fluoride poisoning	Sodium fluoride in insecticides and rodenticides	Few min to 2 hours	Salty or soapy taste, numbness of mouth, vomiting, diarrhea, abdominal pain, pallor, cyanosis, dilated pupils, spasms, collapse, shock	Any accidentally contaminated foods, particularly dry foods [such as dry milk, flour, baking powder, cake mixes]	Vomitus, gastric washing	Storing insecticides in same areas as foods, mistaking pesticides for powdered foods
Lead poisoning	Lead in earthenware vessels, pesticides, paint, plaster, putty, soldered joints	30 min or longer	Metalic taste, burning of mouth, abdominal pain, milky vomitus, bloody or black stools, foul breath, shock, blue gum line	High acid foods and beverages stored in lead containing vessels, any accidentally contaminated food	Vomitus, gastric washings, stools, blood, urine	Purchasing lead containing vessels, storing high acid foods in lead containing vessels, storing pesticides in same area as food.
Tin poisoning	Tin in tinned cans	30 min to 2 hours	Bloating, nausea, vomiting, abdominal, cramps, diarrhoea, headache	High-acid foods and beverages	Vomitus, stools urine, blood	Using uncoated tin containers for storing high-acid foods

Disease	Aetiologic agent And source	Incubation or Latency period	Symptoms and Signs	Food usually Involved[3]	Specimens to Collect	Factors that Contributed to Foodborne outbreaks
Cadmium poisoning	Cadmium in plated utensils	15 to 30 min	Nause, vomiting abdominal cramps, diarrhea, shock	High-acid foods and beverages [metal colored cake decorations]	Vomitus, stools, urine, blood	Purchasing Cadmium containing utensils, storing high acid foods in cadmium containing containers, ingesting cadmium containing foods
Cooper poisoning	Copper in pipes and utensils	Few min to few hours	Metalic taste, nausea, vomiting [green vomitus], abdominal pain diarrhoea	High-acid foods and beverages	Vomitus, gastric washings, urine, blood	Storing high-acid foods in copper utensils or using copper pipes for dispensing high-acid beverages, faulty backflow prevented valves in vending machines

Disease	Aetiologic agent And source	Incubation or Latency period	Symptoms and Signs	Food usually Involved[3]	Specimens to Collect	Factors that Contributed to Foodborne outbreaks
Zinc poisoning	Zinc in galvanized containers	Few min to few hours	Pain in mouth and abdomen, nausea, vomiting, dizzines	High-acid foods and beverages	Vomitus, gastric washings, urine, blood, stools	Storing high-acid foods in galvanized cans
			Incubation [Latency] Period Usually in the Range of 1 to 6 hours			
			Bacterial Agents			
Bacillus cereus gastroenteritis	Exo-enterotoxin of *B. cereus*. Organism in soil	½ to 5 hours	Nausea, vomiting, occasionally Diarrhoea	Boiled or fried Rice	Vomitus, stool	Storing cooked foods at room temperature, storing cooked foods in large containers in refrigerators, preparing foods several hours before serving
Staphylococcal intoxication	Exo-enterotoxins A, B, C, D, E or F of Staphylococci aureus. Organism from naoses, skin and lesions of infected humans and animals and from udders of cows	1 to 8 hours. Mean 2 to 4 hours.	Nausea, vomiting, retching, abdominal pain, diarrhoeal, prostrations	Ham, meat and poultry products, cream-filled pastries, whipped butter, cheese, dry milk, food mixture, high protein leftover foods.	Vomitus, stools, rectal swab. Carriers: nasal swab, swab of lesions, anal swab	Stored cooked food at room temperature, storing cooked food in large containers in refrigarators, touching cooked foods, preparing foods several hours before serving, person with infections containing pus, holiding foods at warm temperatures, fermentation of abnormally low-acids foods

Disease	Aetiologic agent And source	Incubation or Latency period	Symptoms and Signs	Food usually Involved[3]	Specimens to Collect	Factors that Contributed to Foodborne outbreaks
			Chemical Agents			
Nitrite poisoning	Nitrites or nitrates used as meat curing compounds or ground water from shallow wells, fertilizer	1 to 2 hours	Nause, vomiting cyanosis, headache, dizziness, weakness, loss of consciousness, chocolate brown coloured blood	Cured meats, any accidentally contaminated food, spinach exposed to excessive nitrification	Blood	Using excessive amounts of nitrites or nitrates in foods for curing or for covering up spoilage, mistaking nitrites for common salt and other condiments, improper refrigeration of fresh produce. Excessive nitrification of fertilized fields
Diarrhetic shellfish poisoning	Okadaic acid and other toxins produced by dinoflagellates Dinophyses acuminate and D. forti	½ to 12 hours usually 4 hours	Nausea, vomiting abdominal cramps, chills	Mussels, clams, scallops	Gastric washings	Harvesting shellfish from waters with high concentration of Dinophyses

Disease	Aetiologic agent And source	Incubation or Latency period	Symptoms and Signs	Food usually Involved[3]	Specimens to Collect	Factors that Contributed to Foodborne outbreaks
			Incubation [Latency] Period Usually in the Range of 7 to 12 hours			
			Fungal Agent			
Cyclopeptide and gyromitrin groups of mushroom poisoning	Cyclopeptides and gyromitrin in some mushrooms	6 to 24 hours	Abdominal pain, feeling of fullness, vomiting, protracted diarrhoea, loss of strength, thirst, muscle cramps, collapse, jaundice, drowsiness, dilated pupils, coma death	Amanita phalloides, A, verna, Galerina autumnalis, Gyromitra esculenta [false morels] and similar species of mushrooms	Urine, blood, vomitus	Eating certain species of Amanita, Galerine, and *Tyromitra* mushrooms, eating unknown varieties of mushrooms, mistaking toxic mushrooms for edible varieties

Disease	Aetiologic agent And source	Incubation or Latency period	Symptoms and Signs	Food usually Involved[3]	Specimens to Collect	Factors that Contributed to Foodborne outbreaks
SORE THROAT AND RESPIRATORY SYMPTOMS AND SIGNS OCCUR						
Incubation [Latency] Period Usually Less than 1 hours						
Chemical Agents						
Sodium hydroxide poisoning	Sodium hydroxide in bottle washing compounds, detergents, drain cleaners, or hair straighteners	Few min	Burning of lips, mouth and throat, vomiting, abdominal pain, diarrhoea	Bottled beverages, pretzels	Vomitus	Inadequate rinsing of bottles cleaned with caustic soda, inadequate baking of pretzels
Incubation [Latency] Period Usually in the Range of 13 to 72 hours						
Bacterial Agents						
Beta hemolytic streptococcal infections	Streptococcus pyogenes from throat and lesions of infected humans	1 to 3 days	Sore throat, fever, nausea, vomiting, rhinorrhoea, sometimes a rash	Raw milk, foods containing eggs	Throat swabs, vomitus	Persons touching cooked foods, persons with infections containing pus, room temperature storage, storing cooked food in large containers in refrigerators, inadequate cooking or reheating preparing foods several hours before serving.

Disease	Aetiologic agent And source	Incubation or Latency period	Symptoms and Signs	Food usually Involved[3]	Specimens to Collect	Factors that Contributed to Foodborne outbreaks
LOWER GASTROINTESTINAL TRACT SYMPTOMS AND SIGNS [ABDOMINAL CRAMPS, DIARRHEA] OCCUR FIRST OR PREDOMINATE ***Incubation [Latency] Period Usually in the "Range of 7 to 12 hours"***						
			Bacterial Agents			
Bacillus cereus enteritis	Enterotoxin of *B. cereus*. Organism in soil	8 to 16 hours [mean 12 hours]	Nausea, abdominal pain, watery diarrhoea	Cereal products soups, custards and sauces, meatloaf, sausage, cooked vegetables, reconstituted dried potatoes, refried beans	Stools	Storing cooked foods at room temperature, storing cooked foods in large containers in refrigerators, holding foods at warm [bacterial incubating] temperatures, preparing foods several hours before serving, inadequate reheating of leftovers
Clostridium perfringens enteritis	Endo-enterotoxin formed during sporulation of C. perfringens in intestines. Organism in faeces of humans, other animals, and in soil	8 to 22 hours [mean 10 hours]	Abdominal pain, diarrhoea	Cooked meat, poultry, gravy, sauces, soups, refried beans	Stools	Storing cooked foods at room temperature, storing cooked foods in large containers in holding foods at warm [bacterial incubating] temperature, preparing foods serving, inadequate reheating of leftovers.

Disease	Aetiologic agent And source	Incubation or Latency period	Symptoms and Signs	Food usually Involved[3]	Specimens to Collect	Factors that Contributed to Foodborne outbreaks
			Incubation [Latency] Period Usually in the "Range of 13 to 72 hours"			
			Bacterial Agents			
Campylobacter enterocolitis	*C. jejuni*	2 to 7 days, [mean 3 to 5 days]	Diarrhoea, [often bloody] severe abdominal pain, fever, anorexia, malaise, headache, vomiting	Raw milk, poultry, beef liver, raw clams, water	Stools, rectal swab, blood	Drinking raw milk, eating raw meat, inadequate cooking or pasteurization
Cholera	Enterotoxin of *Vibrio cholerae 01* classical and El Tor biotypes, from faeces of infected humans	1 to 3 days	Profuse watery diarrhoea [rice water stools], vomiting, abdominal pain, dehydration, thirst, collapse, reduced skin turgor, wrinkled fingers, sunken eyes	Raw fish, raw shellfish, crustacea, foods washed or prepared with contaminated water, water	Stools	Obtaining fish and shell fish from sewage contaminated waters in endemic areas, poor personal hygiene, infected persons touching foods, inadequate cooking using contaminated water to wash or freshen foods, improper sewage disposal, using night soil as fertilizer

Disease	Aetiologic agent And source	Incubation or Latency period	Symptoms and Signs	Food usually Involved[3]	Specimens to Collect	Factors that Contributed to Foodborne outbreaks
Salmonellosis	Various serotypes of *Salmonella* from faeces of animals	6 to 72 hours mean 18 to 36 hours	Abdominal pain, diarrhoea, chills, fever, nausea, vomiting, malaise	Poultry and meat and their products. Egg products raw milk and dairy products, other foods contaminated by salmonella	Stools, rectal swabs	Storing cooked foods at room temperature, storing cooked foods in large containers in refrigerators, holding foods at warm [bacterial incubating] temperatures, inadequate cooking and reheating preparing foods several hours before serving, cross contamination, improper cleaning of equipment, obtaining foods from contaminated sources
